

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 / 5 Mac 2016****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL. Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pukul 9.00 pagi**

Yang Dimulihkan Jurutulis:
Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, hari Sabtu 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat kurnia-Nya jua maka kita dapat bersama-sama hadir pada hari ini di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas, Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesungguhnya persidangan yang kita adakan pagi ini sememangnya sangat signifikan malah amat bersejarah kerana pada hari ini dalam keadaan yang kita hadapi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini akan dirasmikan lagi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada ahli-ahli Menteri-Menteri Kabinet yang baharu dilantik yang telah berkuat kuasa pada 22 Oktober 2015. Kita yakin dan percaya, pelantikan ini merupakan satu pengiktirafan yang sangat bermakna. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Fasal 49 daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam iaitu bagi ahli-ahli yang baharu dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet iaitu *ex-official* selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Sebelum memulakan tugas dan kewajipan yang lain sekarang dikehendaki untuk ahli-ahli yang berkenaan itu mengangkat sumpah ataupun pengakuan seperti dalam borang 4 yang telah diedarkan daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam hanya bagi mereka yang berkenaan itu.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Majlis mengangkat sumpah didahului oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

Yang Berhormat Awang Haji Bahrin bin Abdullah, Menteri Pembangunan mengangkat sumpah.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengangkat sumpah.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Sirat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Sirat, Menteri Perhubungan, mengangkat sumpah.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengangkat sumpah.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Dan yang terakhir Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, Menteri Kesihatan, mengangkat sumpah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah Majlis mengangkat sumpah bagi 5 orang Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet iaitu *Ex-Official* selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang baharu telah pun selesai. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat semua akan memberikan kerjasama dan yang berterusan dan lebih dedikasi agar amanah yang besar ini akan dapat dipikul dan dijalankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan penuh iltizam serta dikurniakan taufik dan panduan dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan kita masih ada perkara yang perlu kita selesaikan terlebih dahulu. Maka ada baiknya kita berpindah ke perkara yang seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara II, Meneliti dan mengesahkan Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang selama 13 hari bermula pada 14 hingga 30 Jamadilawal 1436 dan 2 Jamadilakhir 1436 bersamaan 5 hingga 23 Mac 2015 bertempat di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berpandangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun meneliti Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah pun diedarkan sebelum ini. Sekarang saya jemput jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mengemukakan sebarang pindaan ataupun perubahan, dan saya sekarang persilakan.

Nampaknya tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai sebarang komen ataupun pindaan. Saya mengambil kesimpulan bahawa isi kandungan minit mesyuarat tersebut dipersetujui dengan sebulat suara dan diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini, sebagaimana yang telah saya nyatakan akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebentar lagi.

Maka dengan yang demikian, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan dulu bagi menunggu dan menjunjung keberangkatan Baginda ke Majlis ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)**T I T A H**

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI PERMESYUARATAN KEDUA BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA PADA HARI SABTU, 25 JAMADILAWAL 1437 BERSAMAAN 5 MAC 2016 BERTEMPAT DI BANGUNAN DEWAN MAJLIS, JALAN DEWAN MAJLIS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ
عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةِ
وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul sekali lagi di Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua

Belas Majlis Mesyuarat Negara 2016 pada hari ini.

Beta gembira mengikuti perkembangan persidangan sejauh ini yang telah memainkan peranannya dengan baik. Beta ingin mengulangi lagi betapa pentingnya perbincangan memfokus perkara-perkara strategi yang membawa impak kepada negara sesuai dengan namanya Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara.

Janganlah semua isu hanya dibincangkan dan dibahas tanpa adanya susulan pelaksanaan. Kita juga perlu melihat apa yang sudah dicapai. Jika belum bermakna kita masih memerlukan tindakan pembaikan.

Pendek kata, apa jua perancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil pendekatan *delivery* atau *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Untuk itu, sangat perlu bagi Ahli-ahli mempunyai pandangan yang jauh dan cepat ke hadapan. Mereka perlu mengambil langkah-langkah mitigasi dan membuat persediaan sewajarnya sebelum didatangi oleh sebarang persoalan.

Beta juga sukacita ingin mendengar saranan-saranan atau buah fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengenai cara-cara mengurangkan

kebergantungan kepada sumber minyak dan gas.

Begitu juga bagaimana negara dapat menjana pendapatan dan kerajaan menjadi rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat.

Saranan-saranan mahupun buah fikiran dan soalan-soalan hendaklah dibuat bukan atas kepentingan diri sendiri atau hanya mendengar dari satu pihak sahaja tanpa membuat kajian mendalam mengenainya.

Jika ini berlaku ia boleh saja menjadi perkara yang kurang signifikan dan tidak strategik untuk dibawa ke dewan ini.

Perhatian perlu diberikan bagaimana memperkasa ekonomi oleh kerajaan sendiri termasuk bagi sektor swasta. Pada setakat ini dasar kerajaan ialah memperkasa sektor swasta. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah konkrit untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan. Ini termasuk infrastruktur, perundangan yang probisnes.

Misalnya pendaftaran syarikat perniagaan sekarang sudah boleh dibuat secara *online* dalam tempoh hanya satu hari sahaja. Dan sementara lesen perniagaan tidak diperlukan lagi bagi sebahagian jenis perniagaan.

Juga dengan adanya pusat perusahaan kecil dan sederhana adalah diharapkan perusahaan-perusahaan tempatan yang berskala kecil dan sederhana akan dapat berkembang maju sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sudah tiba masanya kita mengubah strategi perusahaan daripada hanya semata-mata mencapai sara diri atau *self-sufficient* kepada berasaskan eksport. Kita sudah ada rangkaian-rangkaian pemangkin serantau dan antarabangsa seperti *BIMP-EAGA, ASEAN, APEC* dan baru-baru ini *TPP* bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi.

Apa yang tinggal ialah usaha-usaha mantap ke arah kejayaan, kita perlu cekap merebut peluang-peluang yang ada, kerana itu beta menyeru supaya para pengusaha tempatan dapat berdaya saing untuk meraih kejayaan melalui peluang-peluang yang sedia ada, bukan sahaja bagi merebut peluang-peluang yang ada dalam negara malah lebih jauh peluang-peluang serantau dan antarabangsa.

Alhamdulillah Pelaburan Langsung Asing *FDI* telah mula beroperasi di negara ini dan terdapat beberapa lagi pelaburan baharu yang masih dalam penelitian. Oleh itu usaha-usaha untuk memudah cara aktiviti perekonomian negara perlulah terus dipertingkat dan diperkembangkan.

Pada hemat beta, kita masih boleh dan mampu untuk melakukan yang terbaik dengan syarat kita tidak mengambil sikap mudah berpuas hati dengan pencapaian-pencapaian yang ada.

Di bidang kewangan sungguhpun negara masih mampu menyediakan sejumlah peruntukan bagi pembangunan negara dan operasi kerajaan, namun kita mesti mengambil sikap berhemah dalam berbelanja dengan cara lebih melihat kepada keperluan dan keutamaan.

Akhir kalam beta menyeru kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat supaya dapat meneruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini, sama ada mereka yang bermastautin di kawasan bandar mahupun di kawasan-kawasan luar bandar.

Apa jua permasalahan itu perlu ditangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding. Semoga usaha-usaha yang kita buat akan menghasilkan buah yang baik dan ranum untuk semua.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan pembesar-pembesar negara).

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih dahulu marilah kita merapakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah berkat dan keizinan daripada-Nya jua, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh yang demikian, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini saya tangguhkan dan kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 27 Jamadilawal 1437 bersamaan 7 Mac 2016 pukul 2.30 petang.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)